

# Tanam cili bantu rakan susah

Hasil tanaman diusahakan penuntut KKTDI, UTHM itu akan disumbang kepada dana Sabil al-Hikmah

BATU PAHAT - "Sambil menjalankan projek pertanian, sambil menggalakkan penuntut aktif bidang keusahawanan. Dalam masa sama kita didik mereka jadi individu yang suka membantu golongan memerlukan," kata Pengetua Kolej Kediaman Tun Dr Ismail (KKTDI), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Dr Khairol Anuar Kamri.

Menurut Khairol Anuar, menerusi ilmu diperolehi semasa menjalankan projek Duta Jauhar 3.0 dengan mengusahakan tanaman cili fertigasi, kini pelajar KKTDI memanfaatkan pula di kolej kediaman mereka supaya ia tidak dilupakan.

"Dalam masa sama pihak kolej juga menjalankan projek berkenaan untuk mengutip dana bagi membantu penuntut universiti terbabit yang terdiri dari keluarga yang memerlukan. Kita bantu mereka untuk meneruskan kehidupan di kampus.

"Rata-rata penuntut di sini men-



Asri (empat, kiri) menurunkan tandatangan sebagai simbolik kepada perasmian projek Fertigasi Tanaman Cili Centil KKTDI, UTHM.

gambil bidang kejuruteraan, namun kita pelbagaikan pengetahuan mereka dengan beri pendedahan berkaitan pertanian. Yang terlibat dalam perniagaan cili ni, kita juga didik

mereka jadi usahawan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga menerapkan sikap prihatin dan suka melakukan aktiviti kebajikan seperti membantu rakan yang kesusahan

**INFO** • Seramai 40 penuntut kolej terbabit terlibat dalam projek tanaman cili itu.

dalam diri setiap penuntut.

"Di sini kita akan menyalurkan hasil jualan cili ini kepada dana Sabil al-Hikmah untuk diagihkan kepada 200 penuntut yang susah.

"Itulah tujuan utama tanaman cili ini dibuat. Ia bukan untuk suka-suka, tapi untuk bantu penuntut susah, galak penuntut jadi usahawan, mempunyai sikap prihatin dan suka membantu," katanya.

Beliau berkata demikian semasa Perasmian Projek Fertigasi Tanaman Cili Centil KKTDI, UTHM yang disempurnakan Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTHM, Prof Madya Dr Asri Selamat.

Hadir sama Pengarah Projek Fertigasi Tanaman Cili Centil KKTDI, Fatin Nabila Ahmad Dasila.

Sementara itu, menurut Asri, beliau rasa kagum terhadap penuntut kolej terbabit kerana berjaya menggabungkan nilai *softskills* (kemahiran insaniah) dalam diri mereka.

"Di UTHM kita mempunyai empat cabang kemahiran insaniah, iaitu sukan, kelab, persatuan dan badan beruniform. Penuntut perlu menyertainya sebelum mereka dapat sijil (diploma dan ijazah) masing-masing.

"Ini akan melahirkan penuntut kelahiran UTHM yang lebih holistik dan mempunyai pelbagai cabang ilmu yang tidak hanya pandai dalam akademik," katanya.

Sementara itu, Fatin Nabila berkata, seramai 40 penuntut kolej terbabit terlibat dalam projek tanaman cili itu dan jika berjaya ia akan dikembangkan lagi dengan melibatkan kumpulan penuntut lain.